



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BIL.8/2025 &**  
**PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT KPWKM**

**LOKASI / TARIKH / MASA**  
**INSTITUT SOSIAL MALAYSIA, KUALA LUMPUR**  
**25 OGOS 2025 (ISNIN)**  
**2.00 PETANG**

Kemas kini 25 Ogos 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. **Alhamdulillah**, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM Bilangan 8 Tahun 2025 yang turut diserikan dengan Pelancaran Bulan Kebangsaan peringkat KPWKM.

2. Terima kasih saya ucapkan kepada **Institut Sosial Malaysia (ISM)** selaku urus setia, yang telah memastikan majlis pada petang ini berlangsung penuh meriah, berwarna-warni, dan sarat dengan semangat patriotisme. Saya difahamkan juga terdapat pertandingan kostum kemerdekaan terbaik—satu usaha yang menghidupkan suasana Bulan Kebangsaan di kementerian kita.

## **BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT KPWKM**

3. Bersempena sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini, KPWKM dengan bangga melancarkan Bulan Kebangsaan Peringkat KPWKM sebagai simbol kesatuan dan kecintaan kita kepada tanah air. Pelancaran ini bukan sekadar mengibarkan Jalur Gemilang, tetapi mengajak kita semua menghayati semangat perjuangan, memupuk perpaduan, dan menanam nilai patriotisme dalam setiap aspek tugas kita.

4. Tema tahun ini, “**Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni**”, amat bertepatan dengan mandat KPWKM untuk menyantuni sepuluh kumpulan sasar — daripada institusi keluarga, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, sehinggalah kumpulan rentan. Bagi kita di KPWKM, mengisi erti kemerdekaan bermaksud memastikan tiada sesiapa yang tercicir. Inilah perjuangan sebenar kita: membina masyarakat progresif, inklusif, dan berdaya saing.

## **PENCAPAIAN KPWK (BULAN OGOS 2025)**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Pertamanya, tahniah kepada semua atas pencapaian **Cemerlang 5 Bintang KPI HRMIS 2024** dengan skor 98.01%. KPWK turut menerima **Sijil Penghargaan Sistem EPESSO**, selaras dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024–2030.

6. Pada 21 Ogos, kita menganjurkan **Hari Digital KPWK** **2025** yang menonjolkan komitmen kementerian dalam mendukung agenda pendigitalan dan inovasi bagi meningkatkan perkhidmatan awam yang responsif dan mesra rakyat.
7. Dari aspek perlindungan kanak-kanak, **Program KASIH Kanak-Kanak** telah dijalankan di Kuala Lumpur, Kuching dan Sri Aman untuk meningkatkan kesedaran terhadap isu penderaan, pengabaian dan eksplorasi.

8. JKM juga menguruskan **Pusat Pemindahan Sementara di Lembah Pantai** bagi mangsa kebakaran, memastikan bantuan segera sampai kepada mereka.
9. Untuk memperkuatkan institusi keluarga dan wanita, pelbagai program telah dilaksanakan termasuk **Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak, Program Inspirasi Wanita: Secure. Lead. Transform**, dan **Aku Wanita@KRT Negeri Perak** yang menghimpunkan ratusan peserta.

10. Di peringkat antarabangsa pula, saya telah mengetuai delegasi ke **Forum Ekonomi Wanita APEC 2025** di **Incheon, Korea Selatan** yang telah membincangkan **isu berkaitan dengan ekonomi penjagan serta penggunaan AI (kecerdasan pembuatan)** manakala Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, KSU kita turut menjadi panel dalam perbincangan mengenai **ekonomi penjagaan sebagai laluan pemerkasaan wanita.**

11. Agensi-agensi di bawah KPWKM turut aktif melaksanakan inisiatif:

- **JKM** membangunkan **Sistem INNOWEL** sebagai repositori pusat inovasi sosial, membolehkan amalan terbaik diperluas dan dimanfaatkan oleh kumpulan sasar.
- **JKM** juga melaksanakan **Program Advokasi DKKN & DSN Zon Selatan** di Johor, serta mengadakan **Mesyuarat MKBOKU Bil. 2/2025** untuk memperkuuh hak OKU.

- Melalui **Next2Work 2025** di Melaka, 40 peserta mendapat latihan pembangunan imej, komunikasi, dan persediaan kerja. JKM turut menjalankan pemantauan mengejut TASKA serta melaksanakan **Peperiksaan KAP Siri 3/2025** secara dalam talian bagi meningkatkan profesionalisme pengasuh.
- JPW menganjurkan **Program Inspirasi Wanita: Secure. Lead. Transform** yang disertai lebih 500 peserta, serta **Aku Wanita@KRT Negeri Perak** yang menekankan isu kesedaran keganasan rumah tangga.

- **LPPKN** melalui **PEKERTI** menyasarkan 150,000 penerima tahun ini, termasuk remaja, ibu bapa dan komuniti.
- **ISM** melaksanakan kursus penjagaan, SPAKS, serta wacana ilmu yang melibatkan lebih 7,000 peserta.
- **YKN** memperkenalkan program inovatif seperti *Beauty for a Better Life* dengan Loreal Malaysia di Anjung Singgah, selain menyalurkan bantuan segera kepada mangsa kebakaran.

12. Sementara itu, **Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS)** terus melindungi hak pekerja. Sehingga 11 Ogos, sebanyak 48 aduan telah didaftarkan, dengan 40 kes berjaya diselesaikan dalam tempoh 60 hari. Saya menyeru agar mangsa yang terkesan tampil membuat aduan kerana keadilan adalah hak semua.

13. Setiap kejayaan ini adalah hasil kerja berpasukan kita semua. Ia membuktikan bahawa KPWKM bukan sahaja menggubal dasar, tetapi benar-benar hadir dalam kehidupan rakyat.

14. Kini, cabaran baharu menanti — daripada isu sosial yang kompleks, ancaman digital, hingga keperluan memperkuatkan perpaduan nasional. Untuk itu, saya menyeru seluruh warga KPWKM untuk terus belajar, berinovasi, mempertingkatkan mutu penyampaian, dan berkhidmat dengan hati yang ikhlas.

15. Dengan semangat kemerdekaan, marilah kita terus menyemarakkan Bulan Kebangsaan 2025 di kementerian ini.

Maka dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya **merasmikan Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM Bil.8/2025 serta melancarkan Bulan Kebangsaan Peringkat KPWKM 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat  
25 Ogos 2025**